



PELABUHAN KUANTAN
MALAYSIA

LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

Tanjung Gelang, Peti Surat 161,
25720 Kuantan, Pahang Darul Makmur, Malaysia
Tel.: 609-5858000 Fax.: 09-5833866
Laman Web: <http://www.lpktn.gov.my> Email: lpktn@lpktn.gov.my

Fail/ File : LPKtn/427-OK/395/18 Jld 2 (42)
Tarikh / Date : 20 Mac 2019

Kepada : Semua Pengguna Pelabuhan
To : All Port Users

PEKELILING PELABUHAN NO. 1/2019 / PORT CIRCULAR NO. 1/2019

NOTIS PEWARTAAN ZON BEBAS PELABUHAN KUANTAN NOTIFICATION OF THE GAZETTED KUANTAN PORT FREE ZONE

Notis ini memberi maklumat bahawa pada 11 Mac 2019, Menteri Kewangan telah membuat Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 2019 melalui Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 13 Mac 2019 berujukan P.U.(B)134 dengan mengisytiharkan Pelabuhan Kuantan, Malaysia sebagai suatu kawasan Zon Perdagangan Bebas berkuat kuasa pada 1 April 2019.

Lembaga Pelabuhan Kuantan telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai "Pihak Berkuasa Zon Bebas" untuk mentadbir, menyenggara, mengendali dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan kawasan Zon Bebas Pelabuhan Kuantan.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk merujuk kepada **AKTA ZON BEBAS 1990 (AKTA 438)** pindaan terkini bagi menjalankan aktiviti perdagangan dan pengendalian yang berkaitan di Pelabuhan Kuantan, Malaysia.

Sebarang pertanyaan bagi notis ini boleh diajukan kepada Pengarah Zon Bebas Pelabuhan Kuantan di talian telefon : +609-5858000, sambungan 501 atau emel kepada idi@lpktn.gov.my.

Terima kasih/Thank you

DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN
Pengurus Besar / General Manager
Lembaga Pelabuhan Kuantan / Kuantan Port Authority

*This notice is to inform that on 11th March 2019, the Minister of Finance has made a **Free Zones (Declared Area) Notification 2019 through Federal Government Gazette dated 13th March 2019 with reference number P.U.(B)134 which declared that Kuantan Port, Malaysia as Free Commercial Zone area which effective by 1st April 2019.***

*Kuantan Port Authority has been appointed by the Government of Malaysia as "**Free Zone Authority**" to administer, maintain, operate and enforcement of laws and regulations at the area of Kuantan Port Free Commercial Zone.*

*It is the responsibility of all parties to refer to the latest amendment of **FREE ZONES ACT 1990 (ACT 438)** in order to carry out any commercial activity and related operations in Kuantan Port, Malaysia.*

Any enquiry related to this notice can be directed to the Director of Kuantan Port Free Zone at phone line : +609-5858000 extension 501 or email to idi@lpktn.gov.my.

